

PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM KANAK-KANAK PELARIAN DI SABAH: SATU CADANGAN PENYELIDIKAN

DEVELOPMENT OF ISLAMIC EDUCATION LEARNING MODULE FOR REFUGEE CHILDREN IN SABAH: A RESEARCH PROPOSAL

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin¹
Syamsul Azizul Marinsah²
Abang Mohd Razif Abang Muis³
Irma Wani Othman⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mel: mnhidayath_h@ums.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mel: syamsulazizul@ums.edu.my)

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mel: amrazif@ums.edu.my)

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mel: irma@ums.edu.my)

Article history

Received date : 15-9-2022
Revised date : 10-10-2022
Accepted date : 30-11-2022
Published date : 15-12-2022

To cite this document:

Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., Abang Muis, A. M. R., & Othman, I. W. (2022). Pembinaan Modul Pembelajaran Pendidikan Islam Kanak-Kanak Pelarian Di Sabah: Satu Cadangan Penyelidikan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(51), 51 - 60.

Abstrak: *Isu pendidikan berhubung kanak-kanak pelarian di Sabah bukanlah satu isu baharu. Malaysia yang bukan ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 tidak mempunyai rangka kerja pentadbiran berkenaan hak-hak pelarian sama ada dari segi kesihatan, pekerjaan termasuklah pendidikan. Akibatnya, kanak-kanak pelarian bukan sahaja terpinggir daripada pendidikan akademik, malah pendidikan Islam. Keperluan kepada pendidikan Islam jelas signifikannya memandangkan keseluruhan kanak-kanak pelarian di Sabah adalah beragama Islam. Kebimbangan ini telah disuarakan oleh pelbagai pihak antaranya Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia Mohd Azmi Abdul Hamid pada tahun 2018. Beliau menyarankan agar kanak-kanak pelarian Islam diberikan peluang yang lebih baik kepada Pendidikan Islam. Oleh itu, kertas kerja ini merupakan satu cadangan penyelidikan bagi mengkaji; Pertama, mengenal pasti senario semasa penghayatan Islam bagi kanak-kanak pelarian di negeri Sabah. Kedua, mengenal pasti silibus pendidikan Islam yang sesuai dan diperlukan oleh kanak-kanak pelarian. Ketiga, membina sebuah modul pembelajaran pendidikan Islam yang komprehensif kepada kanak-kanak pelarian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan dicadangkan dilaksanakan dengan menggunakan metode analisis kandungan, temu bual dan pemerhatian. Hasil kajian ini diharapkan dapat mengetengahkan sebuah modul pembelajaran pendidikan Islam yang lebih sesuai kepada keperluan sebenar kanak-kanak pelarian di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.*

Kata Kunci: *Modul, Migrasi, Pendidikan Islam, Kanak-kanak Pelarian, Sabah.*

Abstract: *The issue of education regarding refugee children in Sabah is not a new issue. Malaysia, which is not a member of The 1951 Refugee Convention and its 1967 Protocol, does not have an administrative framework regarding the rights of refugees, whether in terms of health, employment, including education. As a result, refugee children are not only marginalized from academic education, but also from Islamic education. The need for Islamic education is clearly significant considering that all refugee children in Sabah are Muslim. This concern has been voiced by various parties including the President of the Malaysian Consultative Council of Islamic Organization (MAPIM) Mohd Azmi Abdul Hamid in 2018. He suggested that Muslim refugee children be given better opportunities for Islamic Education. Therefore, this paper is a research proposal to study; First, identify the current scenario of Islamic appreciation for refugee children in the state of Sabah. Second, identify the Islamic education syllabus that is appropriate and needed by refugee children. Third, build a comprehensive Islamic education learning module for refugee children. This study is a qualitative study and is proposed to be carried out using content analysis methods, interviews and observations. The results of this study are expected to highlight an Islamic education learning module that is more suitable to the actual needs of refugee children in Sabah in particular and Malaysia in general.*

Keywords: *Module, Migration, Islamic Education, Refugee Children, Sabah.*

Pengenalan

Isu pendidikan Islam bagi kanak-kanak pelarian di Sabah bukanlah satu perbincangan yang baharu. Ia telah dibincangkan sebagai salah satu kemudahan yang perlu diberikan kepada pelarian Filipina yang telah bermigrasi ke Sabah sejak tahun 1970-an. Sehingga kini, pelbagai siri perbincangan telah dibangkitkan untuk memberikan kanak-kanak pelarian akses kepada pendidikan Islam, namun sehingga kini masih kabur. Keperluan kepada pendidikan Islam atau ilmu-ilmu agama jelas signifikannya memandangkan keseluruhan pelarian tersebut adalah beragama Islam (Mohd Nur Hidayat Hasbollah et. al, 2018). Kebimbangan ini telah diketengahkan oleh pelbagai pihak. Antaranya pada tahun 2018, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) Mohd Azmi Abdul Hamid menzahirkan kebimbangan dan menarik perhatian masyarakat untuk membantu kanak-kanak Islam pelarian dan tidak berdokumen agar memberikan pendidikan agama yang lebih baik (Roslinda, 2019).

Sekiranya dilihat dalam konteks Sabah, terdapat inisiatif dari pelbagai pihak dalam memberikan ruang pendidikan kepada kanak-kanak pelarian. Antaranya dari pihak pentadbir skim-skim penempatan pelarian itu sendiri iaitu Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah (MKN-Sabah). MKN Sabah telah menyediakan 12 buah sekolah khas di skim-skim penempatan pelarian seluruh Sabah yang dikenali sebagai Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA). Ia merupakan kesinambungan kepada Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan 3M (membaca, menulis dan mengira) yang pernah dilaksanakan sejak tahun 2006.

Subjek-subjek yang diajar adalah seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Seni. Selain itu mereka juga diajar asas-asas pendidikan Islam seperti fardu ain dan al-Quran. Walaupun PPA tidak khusus kepada pendidikan Islam, ia juga menunjukkan satu usaha dalam memberikan pendidikan Islam kepada kanak-kanak pelarian. Selain pendidikan agama yang disampaikan melalui perantaraan kelas, pihak MKN turut mengadakan pelbagai program keagamaan sempena hari-hari kebesaran Islam sebagai inisiatif penyampaian

pendidikan agama seperti ceramah, majlis berbuka puasa, sambutan hari raya aidilfitri, ibadah korban dan seumpamanya (Mohd Nur Hidayat Hasbollah, 2018).

Bagi penduduk di skim penempatan, mereka juga menjalankan beberapa inisiatif sendiri agar pendidikan Islam dapat disampaikan kepada para penduduk. Pendidikan agama biasanya dilakukan oleh imam-imam di surau dan masjid. Namun antara kekangan yang dihadapi adalah, imam-imam tersebut hanya mampu memberikan pengetahuan-pengetahuan asas sahaja seperti membaca al-Quran, Solat Jumaat, berdoa dan puasa (Chiam Sun May et. al, 2016). Ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilakukan secara mendalam. Antara rutin harian lain yang mampu dilakukan oleh imam-imam tersebut adalah dengan membaca kitab Fadail Amal setiap kali selepas solat fardu di surau atau masjid (Mohd Nur Hidayat Hasbollah, 2018).

Selain daripada itu, terdapat juga usaha-usaha daripada pihak luar untuk memberikan pendidikan dan dakwah bagaimanapun tidak kerap berlaku. Pihak luar yang datang adalah terdiri daripada badan-badan agama kerajaan dan bukan kerajaan serta jemaah tabligh. Antara individu yang pernah datang menyampaikan dakwah adalah Ustaz Abu Hurairah Rahman yang merupakan mantan pegawai dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) (Mohd Nur Hidayat Hasbollah, 2018). Berdasarkan kepada senario-senario di atas, menunjukkan proses pembelajaran dan pengajaran pendidikan Islam di skim penempatan tersebut tidak dilaksanakan secara khusus, konsisten dan sistematik.

Kekurangan ilmu pengetahuan terutamanya pengetahuan agama menyebabkan terdapat adat dan amalan yang bertentangan dengan Islam masih diamalkan oleh sebahagian pelarian tersebut. Kajian Mohd Nur Hidayat Hasbollah (2018) menyatakan, Yakub Buldae iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Kemajuan Masyarakat (JKKMP) Skim Penempatan Telipok dan Abdul Rahman Ali Basa Pengerusi JKKMP Skim Penempatan Kinarut, terdapat sebahagian penduduk yang masih mengamalkan adat-adat yang bertentangan dengan Islam. Antara amalan-amalan tersebut adalah; Pertama, pada setiap tahun baru dianggarkan seramai 200-300 orang akan berkumpul di pantai untuk mandi dan mengadakan kenduri bertujuan untuk membuang 'sial'. Kedua, menjelang bulan Ramadan, terdapat satu amalan yang dilakukan dikenali sebagai 'mandi puasa'. Sebahagian mereka akan mencari dan meminta imam-imam yang ada untuk memandikan mereka secara berkumpulan, yang mana mencampurkan antara lelaki dan perempuan. Ketiga, apabila tiba hari ke-27 Ramadan, sebahagian mereka datang ke surau atau masjid dan membawa makanan serta mengamalkan solat empat rakaat yang dinamakan sebagai 'solat lailatul qadar'. Keempat, dalam adat kematian, terdapat sebahagian mereka yang mengadakan kenduri tahlil menyeru roh si mati untuk turut menjamu kenduri yang dibuat. Perkara-perkara seperti ini jelas menunjukkan implikasi yang besar apabila pendidikan agama tidak disampaikan kepada mereka.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas kanak-kanak pelarian di Sabah mempunyai akses yang terhad bukan sahaja kepada pendidikan umumnya malah pendidikan Islam khususnya. Kekurangan pendidikan agama menyebabkan implikasi yang lebih besar apabila terdapat adat dan amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam masih diamalkan. Oleh itu, kertas kerja ini merupakan satu cadangan penyelidikan bagi membina sebuah modul pembelajaran pendidikan Islam yang komprehensif kepada kanak-kanak pelarian tersebut. Hasil kajian ini diharapkan dapat mengetengahkan sebuah modul pembelajaran pendidikan Islam yang lebih sesuai kepada keperluan sebenar kanak-kanak pelarian di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Cadangan Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah penghayatan Islam bagi kanak-kanak pelarian di Sabah?
2. Bagaimanakah silibus pendidikan Islam yang di sesuai dan diperlukan oleh kanak-kanak pelarian di Sabah?
3. Apakah modul pendidikan pendidikan Islam yang komprehensif kepada kanak-kanak pelarian di Sabah?

Cadangan Objektif Kajian

1. Mengenal pasti penghayatan Islam bagi kanak-kanak pelarian di Sabah.
2. Mengenal pasti silibus pendidikan Islam yang di sesuai dan diperlukan oleh kanak-kanak pelarian di Sabah.
3. Membina modul pendidikan pendidikan Islam yang komprehensif kepada kanak-kanak pelarian di Sabah.

Cadangan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian ini dicadangkan untuk dilaksanakan menggunakan dua pendekatan iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan.

Kajian kepustakaan

Dalam kajian kepustakaan, metode yang dicadangkan untuk digunakan adalah analisis kandungan. Menerusi metode ini, data dan maklumat-maklumat akan diperoleh daripada sumber-sumber bertulis sama ada yang berbentuk cetakan mahupun digital seperti artikel jurnal, buku, tesis, prosiding, laporan akhbar, laporan badan-badan kerajaan, laporan badan-badan bukan kerajaan, laman-laman web dan sebagainya. Selain itu, sumber-sumber berbentuk media seperti video dokumentari, laporan berita, video penyelidikan dan seumpamanya yang boleh didapati melalui internet turut dijadikan sebagai sumber data dan maklumat. Antara data dan maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti:

- i. Sejarah dan faktor-faktor kedatangan pelarian ke Sabah.
- ii. Statistik pelarian di seluruh Sabah termasuk jumlah spesifik kanak-kanak pelarian.
- iii. Isu-isu dan perkembangan pendidikan pelarian di Sabah.
- iv. Perkembangan pendidikan Islam di skim-skim penempatan pelarian.

Kajian lapangan

Dalam kajian lapangan, dua metode yang dicadangkan digunakan adalah temu bual mendalam separa berstruktur dan pemerhatian tanpa penyertaan. Bagi temu bual, ia akan dilakukan secara bersemuka dan per informan. Informan yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan autoriti dalam hal ehwal pentadbiran pelarian dan pendidikan Islam. Informan yang akan ditemu bual adalah wakil dari pihak-pihak berikut:

- i. Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang-orang Pelarian (*United Nation High Commissioner for Refugees*), cawangan Kuala Lumpur.
- ii. Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah. Ia merupakan badan kerajaan khusus yang mentadbir dan mengurus hal ehwal pelarian di Sabah.
- iii. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Ia merupakan sebuah badan kerajaan yang mentadbir dan mengurus hal ehwal pendidikan di Sabah.
- iv. Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. Ia merupakan sebuah badan agama kerajaan yang mentadbir dan mengurus hal ehwal pendidikan Islam di seluruh Sabah bagi sekolah-sekolah di bawah kelolaan JHEAINS.
- v. Ketua Kampung atau Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Masyarakat Pelarian di lima (5) buah Skim Penempatan Pelarian di Sabah yang telah diwartakan

- iaitu Skim Penempatan Kinarut Papar, Skim Penempatan Telipok Kota Kinabalu, Skim Penempatan Kg. Bahagia Sandakan, Skim Penempatan Kg. Selamat Semporna dan Skim Penempatan Kg Hidayat Tawau.
- vi. Guru-guru/ustaz-ustazah di skim-skim penempatan pelarian.
 - vii. Murid-murid di skim-skim penempatan pelarian.

Bagi metode pemerhatian, perkara-perkara yang dicadangkan untuk diperhatikan adalah:

- i. Persekitaran skim penempatan dan sekolah.
- ii. Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah skim-skim penempatan pelarian.
- iii. Persekitaran surau dan masjid.
- iv. Aktiviti pengimarahannya dan pengajaran dan pembelajaran di surau dan masjid di skim-skim penempatan pelarian.
- v. Proses pengajaran dan pembelajaran agama yang berkaitan seperti mengaji al-Quran di rumah-rumah perseorangan.

Data-data yang diperoleh menerusi metode-metode di atas akan dianalisis secara deskriptif dan triangulasi antara analisis kandungan dengan temu bual. Selanjutnya data-data tersebut akan disusun secara tematik.

Sorotan Literatur

Hak pendidikan kepada kanak-kanak pelarian di Sabah.

Isu hak pendidikan kepada kanak-kanak pelarian di Sabah bukanlah satu perbahasan yang baharu. Gesaan untuk memberikan peluang pendidikan kepada kanak-kanak pelarian telah berlaku sejak tahun 1980-an ekoran kedatangan pelarian Filipina dalam skala besar ke Sabah pada tahun 1970-an. Di peringkat antarabangsa, beberapa peruntukan telah menetapkan akan hak kanak-kanak pelarian untuk mendapat akses kepada pendidikan. Antaranya Universal Declaration of Human Rights 1948, Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989 dan Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Hak ini juga termaktub dalam hak asasi Islam seperti yang diterjemahkan di dalam Cairo Declaration on Human Rights in Islam 1990. Walaupun terdapat peruntukan-peruntukan antarabangsa yang menjaga hak asasi kanak-kanak pelarian terhadap pendidikan, dan Malaysia merupakan antara negara yang meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989, namun ia tidak terpakai kepada kanak-kanak pelarian di Malaysia (Divaghar & Khadijah, 2019; Mohd Nur Hidayat Hasbollah, 2017). Hal ini kerana Malaysia tidak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 tersebut. Ini secara langsung, menjelaskan bahawa Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian dan tidak mempunyai rangka kerja perundangan atau pentadbiran yang mengawal status dan hak pelarian di Malaysia dalam menyediakan segala bentuk kemudahan pelarian sama ada kesihatan, pekerjaan termasuklah pendidikan. Undang-undang Malaysia berhubung hal-ehwal imigresen dirujuk kepada Akta Imigresen 1959/63. Berdasarkan kepada akta tersebut, 'mana-mana individu yang menyalahi Seksyen 5, 6, 8, 9 dan 15 Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, maka individu tersebut tergolong sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI)'. Ini menjadikan pelarian yang ada di Malaysia mempunyai kedudukan yang sama dengan PATI (Mohd Nur Hidayat Hasbollah, 2017). PATI mahupun pelarian tidak berhak untuk mempunyai akses kepada pendidikan awam. Ini meletakkan hak pendidikan tersebut menjadi kabur.

Bagaimanapun atas dasar perikemanusiaan, sebelum tahun 2002, pihak kerajaan pernah memberikan peluang kepada kanak-kanak pelarian tersebut bagi mengikuti pendidikan formal di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Walaupun kadar yuran yang tinggi iaitu

RM120 setahun bagi sekolah rendah dan RM240 setahun bagi sekolah menengah berbanding murid tempatan yang percuma, namun ia tidak menghalang ibu bapa mereka yang berpendapatan rendah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah (Badariah, 2018; Azizah, 2009). Namun kekangan mulai dihadapi apabila pihak kerajaan mulai menetapkan agar kanak-kanak pelarian yang hendak mengikuti persekolahan perlu mengemukakan sijil lahir. Kebanyakan kanak-kanak pelarian tidak memiliki sijil lahir menyebabkan kemasukan mereka ke sekolah semakin berkurangnya sehinggalah pihak kerajaan memutuskan untuk menamatkan bantuan tersebut pada tahun 2002 (Badariah, 2018; Azizah & Ubong, 2005). Sehingga kini, pelbagai siri perbincangan dan kajian telah dilakukan untuk memberikan kanak-kanak pelarian akses kepada pendidikan formal, namun ia masih kekal kabur. Malah pada tahun 2015, pihak kerajaan sekali lagi menegaskan untuk tidak membenarkan kanak-kanak pelarian untuk mengikuti persekolahan di sekolah-sekolah kerajaan (Catherine, 2018; Wirawati et. al, 2017; Anon, 2015). Sebaliknya tidak ada halangan untuk mereka mengikuti sekolah-sekolah swasta atau badan-badan bukan kerajaan (Anon, 2015). Hal ini sudah pasti sesuatu yang sukar memandangkan yuran yang tinggi di sekolah-sekolah swasta.

Akibatnya, ia memberi implikasi yang besar kepada seluruh kanak-kanak pelarian di seluruh negara apabila tercicir daripada akses pendidikan. Ketiadaan pendidikan menyebabkan kanak-kanak pelarian terdedah dan terjebak dengan gejala-gejala tidak sihat. Antaranya mencuri, hidu gam, bergaduh, berkelakuan tidak senonoh dan penyalahgunaan dadah (Mohd Nazri et. al, 2018). Majoriti kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan adalah direkodkan daripada Sabah (Badariah, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015; UNDP, 2015). Pada tahun 2009, direkodkan seramai 43973 orang kanak-kanak berumur 7 tahun sehingga 17 tahun tidak berdokumen (pelarian, pemohon suaka, orang tanpa negara, PATI dan lain-lain) di Sabah tidak mendapat akses kepada pendidikan (Badariah, 2018; Crispina, 2017; Ardyhansah, 2012).

Terdapat inisiatif dari pelbagai pihak dalam memberikan peluang pendidikan kepada kanak-kanak pelarian di Sabah. Antaranya pihak pentadbir skim-skim penempatan pelarian iaitu Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah (MKN-Sabah) telah menyediakan 12 buah sekolah khas di skim-skim penempatan pelarian seluruh Sabah yang dikenali sebagai Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA). Ia merupakan kesinambungan kepada Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan 3M (membaca, menulis dan mengira) yang pernah dilaksanakan sejak tahun 2006 (Mohd Nazri et. al, 2018; Mohd Nur Hidayat Hasbollah, 2018; Crispina et. al, 2017). Bagaimanapun tidak dinafikan bahawa pelaksanaannya mempunyai kekangan-kekangan dalam usaha memberikan peluang pendidikan yang baik kepada kanak-kanak pelarian tersebut. Kekangan-kekangan tersebut antaranya adalah; Pertama, sekolah tersebut hanya memberikan pendidikan asas kepada kanak-kanak dari umur 6 tahun sehingga 16 tahun sahaja. Ini bermaksud mereka tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kedua, walaupun PPA tersebut dibuka di skim-skim penempatan pelarian, namun hanya kanak-kanak yang mempunyai dokumen pengenalan diri sahaja yang layak untuk mengikuti kelas tersebut. Ini termasuklah kanak-kanak yang tidak mempunyai sebarang dokumen walaupun ibu bapanya mempunyai dokumen pengenalan yang sah. Ketiga, matlamat sekolah tersebut bukanlah untuk melahirkan orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi cukup sekadar memiliki pendidikan asas sahaja iaitu membaca, menulis dan mengira. Walaupun kurikulum yang digunakan adalah sama seperti yang diguna pakai di sekolah-sekolah kerajaan, namun kurikulum yang digunakan merupakan versi yang lama iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah digunakan pada tahun 1993 sehingga 2011, sedangkan pada masa kini pendidikan arus perdana telah menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula tahun 2011 (Mohd Nur Hidayat

Hasbollah, 2018). Tenaga pengajar di PPA adalah lantikan MKN-Sabah. Subjek-subjek yang diajar adalah seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Islam dan Pendidikan Seni.

Selain itu, terdapat juga sekolah-sekolah dan pusat-pusat pembelajaran yang dibuka oleh badan-badan bukan kerajaan bagi kanak-kanak pelarian di sekitar Sabah. Umpamanya Pusat Pembelajaran Alternatif Kg. Numbak Sepanggar yang dibuka menerusi Dana Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) pada Januari 2011 (Wirawati et. al, 2017; Anon, t.th) dan Pusat Pembelajaran Bayu, Kota Kinabalu (Crispina et. al, 2017).

Walaupun terdapat inisiatif pihak badan bukan kerajaan ini, namun ia masih dalam jumlah yang kecil dan hanya terletak di tempat-tempat tertentu sahaja yang mana sukar untuk keseluruhan kanak-kanak pelarian mengikutinya. Senario ini jelas berbeza dengan kewujudan sekolah-sekolah awam yang ada hampir di seluruh kawasan dan tempat di Sabah.

Pendidikan Islam bagi kanak-kanak pelarian di Sabah

Pendidikan Islam jelas signifikannya bagi kanak-kanak pelarian di Sabah ekoran keseluruhan mereka adalah beragama Islam. Bagaimanapun, kurang kajian yang mengetengahkan secara khusus dan terperinci berkenaan hal ehwal pendidikan agama atau pendidikan Islam serta kepentingannya bagi kanak-kanak pelarian di Sabah. Kajian-kajian yang ada hanya mengetengahkan kajian pendidikan Islam secara umum sahaja. Umpamanya kajian-kajian seperti Badariah (2018), Mohd Nur Hidayat Hasbollah (2018), Crispina Gregory et al. (2017) dan Sun May (2017) hanya menyatakan subjek Pendidikan Islam sebagai salah satu daripada subjek-subjek yang diajar di pusat-pusat pembelajaran alternatif di skim-skim pelarian bersama-sama dengan subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Pendidikan Seni, Sejarah dan lain-lain.

Begitu juga kurang kajian yang menjelaskan secara terperinci berkenaan output, aplikasi dan tahap kefahaman pendidikan Islam dalam kehidupan kanak-kanak tersebut. Kajian-kajian yang ada seperti Sun May et. al (2016) hanya menyatakan secara umum bahawa kanak-kanak tersebut boleh melaksanakan solat, membaca al-Quran dan berpuasa. Bagaimanapun kajian ini tidak dijelaskan tahap kefahaman dan penguasaan kanak-kanak tersebut terhadap perkara-perkara tersebut.

Kajian yang dibuat oleh Mohd Nur Hidayat Hasbollah (2018) mengetengahkan perbincangan yang lebih terkini dan skop yang lebih besar namun tidak terperinci. Kajian beliau menjelaskan bahawa selain pembelajaran subjek pendidikan Islam di dalam kelas, pihak Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah (MKN Sabah) selaku pentadbir skim-skim pelarian turut mengadakan pelbagai program keagamaan sempena hari-hari kebesaran Islam. Ia merupakan satu inisiatif penyampaian pendidikan agama menerusi aktiviti ceramah, majlis berbuka puasa, sambutan hari raya Aidilfitri, ibadah korban dan seumpamanya. Selain itu, imam-imam di skim penempatan juga menjalankan inisiatif sendiri dalam menyampaikan pendidikan agama seperti membaca kitab Fadail Amal setiap kali selepas solat fardu di surau atau masjid. Kajian beliau juga menjelaskan terdapat juga usaha-usaha pihak luar yang datang untuk memberikan pendidikan dan dakwah di skim-skim pelarian bagaimanapun agak jarang berlaku seperti jemaah tabligh dan badan bukan kerajaan. Dalam kajian beliau juga menjelaskan implikasi yang besar apabila kurangnya pengetahuan agama yang baik dalam kalangan penduduk di penempatan tersebut apabila terdapat adat-adat yang bertentangan dengan Islam masih

diamalkan seperti ‘mandi puasa’. Mandi Puasa tersebut merujuk menjelang masuknya bulan Ramadan, sebahagian penduduk akan bertemu dengan para imam untuk dimandikan secara berkumpulan yang menghimpunkan lelaki dan perempuan.

Berdasarkan kepada sorotan literatur di atas, kajian-kajian tersebut hanya mengetengahkan proses pembelajaran pendidikan Islam sahaja. Tetapi kurang mengetengahkan kekangan-kekangan yang dihadapi untuk mendapatkan pendidikan Islam yang lebih baik dan implikasi apabila tercicir daripada pendidikan agama. Kebimbangan ini telah diketengahkan oleh pelbagai pihak antaranya Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) Mohd Azmi Abdul Hamid (2018) berkenaan kanak-kanak pelarian Islam yang perlu mendapat akses pendidikan agama yang sempurna. Oleh itu, jelas satu kajian yang khusus dan bersifat terkini perlu dilaksanakan dalam mengetengahkan senario pendidikan Islam dan cadangan-cadangan modul pendidikan Islam yang lebih baik dan sesuai dengan keperluan kanak-kanak pelarian di Sabah.

Jangkaan Hasil Dapatan

Cadangan pembinaan modul pembelajaran pendidikan Islam kanak-kanak pelarian di Sabah akan menjadi satu nilai tambah kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sedia ada di Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) di seluruh skim-skim penempatan. Modul yang dibina dijangkakan menyediakan silibus-silibus yang sesuai dan relevan dengan keperluan kanak-kanak pelarian tersebut dalam usaha membangunkan kehidupan beragama selari dengan ajaran Islam. Secara langsung, dapat mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam seperti yang telah dinyatakan sebelum ini antaranya amalan mandi tolak bala, ‘mandi puasa’, kenduri menyeru roh dan lain-lain. Dengan adanya modul tersebut, ia selaras dengan konsep maqasid syariah iaitu menjaga agama kanak-kanak pelarian tersebut.

Kesimpulan

Pendidikan merupakan hak asasi bagi setiap insan tanpa dibatasi dengan status kewarganegaraan. Keberadaan pelarian di Sabah telah menjangkawi 50 tahun. Namun sehingga kini, akses kepada kemudahan pendidikan adalah masih terbatas sama ada dalam bidang akademik mahupun agama. Pendidikan agama merupakan salah satu perkara yang perlu dititik beratkan memandangkan keseluruhan pelarian terdiri daripada orang-orang Islam. Dengan adanya cadangan pembinaan modul ini, ia dijangkakan dapat memberikan satu nilai tambah kepada pendidikan Islam sedia ada di skim-skim penempatan pelarian menerusi Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA).

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada tajaan penerbitan Geran Penerbitan (TLS2104) yang dibiayai Global Academic Excellence (GAE). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Global Academic Excellence (GAE) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, M.N., Siraj, S., Mohd Idris, N. F., Mansor, M. A. & Muhamad, N.A. (2018). Potensi Pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat Bagi Kanak-kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri: Tinjauan Awal. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6(3): 15- 21.
- Allerton, C. (2018). Impossible children: Illegality and excluded belonging among children of migrants in Sabah, East Malaysia. *Journal of ethnic and Migration Studies* 44(7): 1081-1097.
- Amat, A. (2012). Elak generasi buta huruf: UNICEF buka sekolah khusus untuk kanak-kanak jalanan di Kampung Numbak Kota Kinabalu. *Harian Metro*, 14 Januari.
- Amnesty International. (2010). Disiksa dan Ditinggalkan: Pelarian dinafikan Hak di Malaysia. <https://www.amnesty.org/download/Documents/36000/asa280102010ms.pdf> Diakses pada 10 Januari 2020.
- Anon. (2015). Anak Pelarian Tidak Dibenar Belajar di Sekolah Awam- Shahidan. *Mstar Online*, 16 April. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/04/16/pelarian-unhcr> 22 Januari 2020.
- Hajimin, M. N. H. H. & Ibrahim, I. A. (2017). Hak dan perlindungan pelarian Muslim Filipina menurut syariah dan undang-undang Malaysia: kajian di negeri Sabah. *Jurnal Hadhari* 9(2): 193-206.
- Hajimin, M. N. H. H. (2018). Migrasi dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah. Tesis PhD, Institut Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hajimin, M. N. H. H. (2021). Penghijrahan Etnik: Diaspora Multi-Etnik Islam di Sabah. *Global Journal Al-Thaqafah* 11(1):
- Hajimin, M. N. H. H., Hajimin, M. N. R. I., & Hajimin, M. N. H. F. (2018). Perkembangan Pendidikan Islam Pelarian di Skim Penempatan Telipok, Kota Kinabalu Sabah. *Jurnal al-Hikmah* 2: 1-9.
- Hajimin, M. N. H. H., Ibrahim, I. A., & Kassim, A. (2017). Migrasi dan pembentukan masyarakat Islam majmuk Sabah. 1st International Research Conference on Engineering, Science and Humanities Proceeding, hlm 67-72.
- Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., Pullong, A. (2022). Migrasi Agamawan Dan Impaknya Terhadap Adat Dan Budaya Masyarakat Islam di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 7(47): 350-363.
- Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., Othman, I. W., Eduny. S. (2022). Migrasi Pendakwah Jawa dan Impaknya Terhadap Penerimaan Islam oleh Masyarakat Pedalaman Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)* 7(45): 35-44.
- Hajimin, M. N. H. H., Muis, A., M. R. A., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 125-139.
- Halid, S. (2019). Beri Pencari Suaka Politik, Pelarian Hak Bekerja. *Berita Harian*, 22 September. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/609742/beri-pencari-suaka-politik-pelarian-hak-bekerja> Diakses pada 10 Januari 2020.
- Han, C. G. K., Pang, V., Tibok, R. P. & Jhee, Y. S. (2017). Process Evaluation of an Alternative Education Programme for Refugee, Undocumented and Stateless Children in Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 2(4): 23-39.
- Hashim, R. (2019). Kanak-kanak pelarian wajar diberi peluang pendidikan. *Sinar Harian*, 7 November 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/56008/BERITA/Nasional/Kanak-kanak-pelarian-wajar-diberi-peluang-pendidikan> Diakses pada 10 Januari 2020.

- Ibrahim, I. A., Hajimin, M. N. H. H., Jamsari, E. A., Mohd Nasir, B. & Safiai, M. H. (2019). The Impact of Filipino Muslim Ethnic Migration into Sabah on ASEAN Integration. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering* 8(11): 369-372. Doi: 10.35940/ijitee.K1354.0981119
- Kassim, A. & Imang, U. (2005). Orang Pelarian di Sabah: Status dan Prospek. *Proceeding of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah 2005*, hlm 91-114.
- Kassim, A. (2009). Filipino Refugees in Sabah: State Responses, Public Stereotypes and the Dilemma Over Their Future. *Journal of Southeast Asian Studies* 47(1): 52-88.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Malaysia: Education for all end decade review report 2000-2015*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ngui, W., Pang, V., Sun, C., Tibok, R. P. & Han, C. G. K. (2017). Alternative education for undocumented children: An Input Evaluation. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 9(1): 84-101.
- Saibeh, B. (2018). Pendidikan Alternatif Sebagai Wadah Keterangkuman Sosial Dalam Kalangan Penduduk Yang Tiada Kewarganegaraan di Pulau Mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu* (24): 177-206.
- Saibeh, B. (2019). Penduduk Tanpa Kewarganegaraan dan Isu Keterangkuman Sosial di Pulau Mabul, Sabah. *Southeast Asian Science Review* 4(2): 106-133.
- United Nations Development Programme (UNDP). (2015). *The millennium development goals report 2015: Malaysia*. Kuala Lumpur: UNDP Malaysia.
- Voothayakumar, D. & Alavi, K. (2019). Meneroka Kesejahteraan Sosial Karen dan Rohingya di Sekolah Pelarian Myanmar di Chow Kit. *Asian People Journal* 2(1): 1-11.